

Rafidah kupas kepentingan

# pendidikan asas di UCSI

Oleh Basir Zahrom

basir.zahrom@ch.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erjasama kukuh sektor kerajaan dan swasta menjadi elemen penting dalam memastikan Malaysia lebih kompetitif dan berdaya saing dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan asas.

Pengerusi Air Asia X Bhd, Tan Sri Rafidah Aziz, berkata pendidikan asas penting bagi membolehkan negara kekal berdaya saing kerana menjadi satu daripada kriteria yang dinilai dalam Indeks Daya Saing Global sebagai penentu tahap daya saing sesebuah negara.

Katanya, kriteria lain yang turut dinilai ialah bidang kesihatan, infrastruktur, capaian teknologi dan penilaian pendidikan asas mencakupi kepentingan sumber modal insan khususnya murid sekolah yang bakal menjadi tenaga kerja pada masa akan datang.

“Mereka ini (murid) apabila memasuki institusi pengajian tinggi (IPT) perlu didedahkan dan dilengkapi dengan ilmu baharu yang relevan dengan keperluan industri dan bukannya mengulang apa yang sudah dipelajari di sekolah.

“Begitu juga dengan IPT, mereka juga perlu lebih berkredibiliti dengan menawarkan program yang berfokus dan memiliki nilai tambah dengan bidang lain agar mahasiswa memiliki tahap kebolehpasaran tinggi apabila bergraduat kelak.

## Lambakan graduan

“Apa yang berlaku hari ini adalah

ada IPT menawarkan ijazah pengurusan perniagaan tanpa menjurus ke mana-mana bidang perniagaan tertentu. Hal ini mengakibatkan lambakan graduan dalam bidang itu sekali gus membawa kepada masalah pengangguran,” katanya ketika menyampaikan ceramah pada Siri Ceramah Personaliti Unggul di Universiti UCSI (UCSI) sini, baru-baru ini.

Rafidah menjadi tokoh kedua menjayakan siri ceramah anjuran UCSI menerusi topik *‘Menongkah Arus Dunia Berdaya Saing: Bagaimana Malaysia Harus Bergerak Seajar Dengan Abad ke-21’*.

Dalam senario ekonomi abad ke-21, Rafidah berkata, pasaran dunia amat terbuka berikutan kemajuan teknologi maklumat selain kejayaan perjanjian dan kerjasama pada peringkat antarabangsa yang memudahkan aliran barangan serta perkhidmatan.

Beliau berkata, Malaysia perlu menggunakan kelebihan itu dengan menawarkan polisi lebih menarik kepada pelabur serta menyediakan persekitaran yang mampu memacu pertumbuhan ekonomi supaya dilihat kekal berdaya saing.

“Apa yang berlaku di China pada sekitar tahun 1980-an mungkin tidak memberi kesan kepada ekonomi negara lain, namun dengan pasaran terbuka ini, satu ‘jangkitan’ terhadap ekonomi akan berlaku kerana China menjadi pasaran penting dunia hari ini selain India, Afrika Selatan dan Asia Tenggara.

## Polisi ekonomi

“Paksi ekonomi dunia kini beralih ke Asia Pasifik dan hab pembuatan baharu pula ditentukan oleh saiz populasi dan kebangkitan golongan pertengahan seperti di India dan China. Justeru, jangan anggap masalah ekonomi negara hanya disebabkan faktor domestik sahaja,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia perlu mempunyai asas yang kukuh dengan menyediakan polisi ekonomi yang menarik dan relevan menepuni apa saja cabaran.

Katanya, Malaysia menduduki tangga ke-23 daripada keseluruhan 144 negara dalam penarafan daya saing dunia 2015/2016 Forum Ekonomi Dunia, namun beliau menasihati agar tidak mudah berpuas hati, sebaliknya perlu menilai kembali kelemahan yang ada.

“Malaysia menetapkan sasaran untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 iaitu Wawasan 2020 dan kini, hanya empat tahun lebih dari sekarang.

“Saya masih ingat ketika Tun Mahathir Mohamad membuat pengumuman itu dulu, saya berada di sebelah kirinya dan ayat yang dibacakan Tun Mahathir berbunyi ‘Malaysia mahu menjadi negara maju pada tahun 2020 dengan acuan kita sendiri’.

“Kita mahu ciri Malaysia terus diperkasa dalam usaha untuk menjadi negara maju dengan melahirkan sumber modal insan berkompentensi tinggi dan memiliki jati diri sebagai rakyat Malaysia,” katanya.

APA YANG BERLAKU HARI INI ADALAH ADA IPT MENAWARKAN IJAZAH PENGURUSAN PERNIAGAAN TANPA MENJURUS KE MANA-MANA BIDANG PERNIAGAAN TERTENTU. INI MENGAKIBATKAN LAMBAKAN GRADUAN DALAM BIDANG ITU”

*Tan Sri Rafidah Aziz,  
Pengerusi Air Asia X Bhd*



Sebahagian daripada hadirin Siri Ceramah Personaliti Unggul UCSI **tekn** mendengar ceramah disampaikan Rafidah.



Seorang hadirin **bertanyakan soalan** kepada Rafidah.



Rafidah ketika **menyampaikan ceramahnya**.